
SIARAN MEDIA
11 Jun 2025

**Tiada Surcay Dikenakan kepada semua Pengguna Elektrik di Sabah dan WP Labuan
bagi Tempoh Julai 2025 hingga Disember 2025**

KOTA KINABALU, 4 Jun - Kerajaan Negeri telah meluluskan pelaksanaan mekanisme Pelepasan Kos Tidak Berimbang atau Imbalance Cost Pass-Through (ICPT) bagi tempoh Julai hingga Disember 2025, yang akan mengecualikan surcay kepada semua pengguna elektrik di Sabah dan WP Labuan.

Keputusan dibuat berdasarkan kos penjanaan yang terkawal yang tidak memerlukan pengenalan surcay kepada sebahagian pengguna seperti yang dilaksanakan sebelum ini.

Apa Itu Mekanisme ICPT?

ICPT merupakan mekanisme di bawah Incentive Base Regulation (IBR) bagi semakan ke atas tarif elektrik yang dilaksanakan setiap enam (6) bulan, akibat daripada perubahan kos penjanaan sebenar berbanding unjuran bagi Tempoh Kawal Selia yang telah diluluskan oleh Kerajaan Negeri melalui rangka kerja IBR.

Manfaat kepada Pengguna

Pelaksanaan ini akan memberi manfaat kepada keseluruhan pengguna, termasuk pengguna di bawah Pemegang Lesen Awam Pengagihan. Ini bermaksud tiada peningkatan bil elektrik untuk semua pengguna di Sabah sepanjang tempoh enam (6) bulan tersebut.

[tamat]

Mengenai ECoS

Suruhanjaya Tenaga Sabah (ECoS) adalah badan berkanun yang ditubuhkan oleh Kerajaan Negeri Sabah sejak 10 Januari 2023. Ia berfungsi sebagai pengawal selia untuk sektor tenaga dalam portfolio Ketua Menteri. Objektif utama ECoS adalah untuk memastikan tenaga yang selamat, mampan, mampu milik, dan mudah diakses untuk Negeri Sabah. ECoS memainkan peranan penting dalam membentuk landskap tenaga Sabah, menggalakkan amalan tenaga yang bertanggungjawab, dan melindungi kepentingan pengguna serta alam sekitar.